



SIRI POLITIK & ANTARABANGSA



PEMETRAN **BAHARU** DUNIA ISLAM

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada **PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD**

.....

© **PEMETAAN BAHARU DUNIA ISLAM**

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Cetakan Pertama, Mei 2021
Cetakan Kedua, Januari 2025

© Hak cipta terpelihara @ Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-19111-3-6

*Muka Taip Teks: Cambria
Saiz Muka Taip: 11*

Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.
D-04-02, Cybersquare,
Jalan Teknokrat 6, Cyber 5,
63000 Cyberjaya, Selangor.
011-20907008

Dicetak oleh:
Percetakan Adab Sdn. Bhd.
No. 4, Jalan PBS 14/1A, Taman
Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
03-89458688



SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

YB Dr. Muhammad Khalil Abdul Hadi
YB Mohd Syahir Che Sulaiman
Tuan Haji Mohd Adram Musa

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Abdul Malik Ab Razak

KETUA PEGAWAI OPERASI

Muhammad Afiq Awang Bakar

KETUA PEGAWAI KORPORAT

Siti Nurul Afiqah Sazali

KETUA EDITOR

Muhammad Ikram Ab Rahman

JABATAN PENERBITAN

Maziah Hasan
Muhaimin Safaruddin
Mohamad Afiq Faiz Mohamad Sabri

**JABATAN JUALAN & HUBUNGAN
PELANGGAN**

Muhammad Ikhwan Nasyriq Salahin

JABATAN PEMASARAN

Muhammad Rasydan Junuh

JABATAN KREATIF

Nurul Afiqah Yusri

REKA LETAK & ATUR HURUF

Nurul Afiqah Yusri

PENTERJEMAH

Amir Ayub
Tasneem Zainol

ISI KANDUNGAN

KATA PENERBIT	V
MUQADDIMAH	1
BAHAGIAN 1: PEMESONGAN KONSEP AL-IRHAB DAN SERANGAN TERHADAP ISLAM	5
Membetulkan Pemahaman Konsep Al-Irhab	6
Munculnya Ekstremisme	19
Propaganda Media Terhadap Umat Islam	28
Muslihat Di Sebalik Islamofobia	33
Kesederhanaan Islam	42
Penyakit Yang Dihadapi Umat Islam	55
Pertembungan Antara Peradaban	62
BAHAGIAN 2: PEMETAAN BAHARU DUNIA ISLAM	67
Pemetaan Semula Timur Tengah	68
Peranan Kuasa Besar Di Sebalik Pemetaan Baharu Timur Tengah	71
Kaitan Antara Pelan Balkan Eurasia Brzezinski Dengan Peta Timur Tengah Baharu	74
Peta Berdarah Timur Tengah Baharu	79
Kesedaran Terhadap Agenda Pemetaan Baharu	98
Mengenali Musuh Yang Sebenar	104
Mengapa Barat Melindungi Israel?	115
BAHAGIAN 3: KE ARAH PENGUKUHAN DUNIA ISLAM	126
Hubungan Antara Malaysia Dengan Timur Tengah Dalam Geopolitik Semasa	127
Kerjasama Antara Negara Islam Melalui D-8	142
PENUTUP	156
RUJUKAN	159
LAMPIRAN	161
PENGENALAN PENULIS	170



“

Kelemahan yang dialami oleh kerajaan Islam pada zaman pemerintahannya berpunca daripada meninggalkan ajaran Islam yang sebenar. Maka, semua tuduhan melulu terhadap Islam dalam bentuk fobia (bertujuan menakutkan) adalah tidak logik dari sudut akal dan budaya ilmu yang sebenar.

”

MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والعاقبة للمتقين، ولا عدوان إلا على الظالمين،
والصلاة والسلام على رسول الرحمة وعلى آله وصحبه ومن تبعه ونصره
والآه. أما بعد.

A salnya, buku ini merupakan satu kajian secara ringkas dalam bahasa Arab, yang telah dihasilkan bagi memenuhi permintaan *al-Ittihad al-Alami li 'Ulama' al-Muslimin* (Kesatuan Ulama' Islam Sedunia) yang berpusat di Qatar. Tulisan ini hadir sebagai renungan, khususnya buat seluruh umat Islam supaya mereka sedar tentang hakikat sebenar yang berlaku. Begitu juga kepada kalangan bukan Islam yang bersikap adil, supaya mereka menyedari betapa Islam dan penganutnya dulu dan kini sentiasa dizalimi.

Islam dan penganutnya telah memberikan suatu jasa yang besar dalam mengubah tamadun manusia, setelah berjaya mengislamkan ilmu yang bermanfaat daripada semua bangsa yang menganut pelbagai agama yang lain. Dalam pada itu, pada zaman Islam memimpin dunia dan menjadi kuasa besar yang dihormati selama beberapa abad, Islam bersikap tidak memaksa terhadap kalangan bukan Islam.

Selain itu, Islam telah berjaya mewujudkan perpaduan umat yang paling unggul dalam sejarah manusia kerana sifat hidayah Allah SWT yang memberikan rahmat kepada seluruh alam. Kedatangan Islam di semua negara yang baru dibuka dianggap sebagai penyelamat, bukannya penjajah.

Hal ini demikian kerana, konsep Islam mengharamkan kolonialisme, iaitu memperhambakan manusia dan merompak harta milik mereka. Maka, pemerintahan Islam disambut dengan meriah dan dialu-alukan oleh seluruh penduduk dunia pada zaman pemerintahan Islam yang konsisten dengan ajarannya yang sebenar.

Kelemahan yang dialami oleh kerajaan Islam pada zaman pemerintahannya berpunca daripada meninggalkan ajaran Islam yang sebenar. Maka, semua tuduhan melulu terhadap Islam dalam bentuk fobia (bertujuan menakut-nakutkan) adalah tidak logik dari sudut akal dan budaya ilmu yang sebenar.

Tindakan menjajah tanah air umat Islam ialah suatu tindakan yang paling zalim. Bahkan, sehingga kini pula, diteruskan dengan perancangan untuk melemahkan dan melumpuhkannya dengan lakaran peta baharu, setelah peta lama yang dilakar itu gagal memadamkan cahaya kebenaran Islam.

Penulisan kali ini merupakan hasil kajian melalui media baharu dan langit terbuka tanpa sempadan, tidak mampu menyembunyikan rasa hasad yang tidak akan padam. Harapannya, buku ini menjadi maklumat yang berharga kepada semua pihak, khususnya umat Islam supaya tidak mengulangi sekali lagi zaman penjajahan yang gelap dan menyesatkan.

Hari ini, musuh-musuh Barat yang bersikap zalim, tiba-tiba Islam pula menjadi mangsa yang dituduh melakukan kezaliman. Keadaan ini tidak ubah laksana perumpamaan Arab:

ضَرَبَنِي وَبَكَى، وَسَبَّني وَأَشْتَكى.

“Dia yang memukul saya, dia pula yang menangis dipukul. Dia yang menzalimi saya, dia pula yang mengadu dizalimi.”

Demikian itulah nasib yang dialami oleh Islam dan umatnya.

Dalam penulisan ini, didedahkan sebahagian daripada perancangan jahat pihak Barat yang berulang kali berlaku. Pada masa yang sama, sekali gus memberikan bukti yang benar daripada Allah SWT, bahawa pasti akan ada syaitan yang menjadi musuh sepanjang zaman dan cahaya Islam sekali-kali tidak mungkin akan dapat dipadamkan.

ABDUL HADI AWANG

Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

BAHAGIAN 1

PEMESONGAN

KONSEP AL-IRHAB

DAN SERANGAN

TERHADAP ISLAM

MEMBETULKAN PEMAHAMAN KONSEP AL-IRHAB

Media Barat melancarkan perang terhadap Islam dan umatnya dengan mencipta dan menggunakan pelbagai istilah yang mengelirukan. Kekeliruan itu berkait dengan beberapa istilah dalam bidang sains kemanusiaan, sains sosial, media serta pengaruh kebudayaan.

Kekeliruan tersebut diciptakan bagi melahirkan pengikut yang membuta tuli serta menghakis kebebasan berfikir dan jati diri mereka dalam menanggapi gambaran sebenar sesuatu perkara yang telah diselewengkan. Setiap satu istilah yang digunakan itu mempunyai sisi yang positif dan juga negatif.

Allah SWT berfirman:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيْطَانِ
الْإِنْسِ وَالْجِنِّ يُوحِي بَعْضُهُمْ إِلَى
بَعْضٍ زُخْرَفَ
الْقَوْلِ غُرُورًا وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ مَا
فَعَلُوهُ فَذَرَّهُمْ
وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١١٣﴾ وَلِتَصْغَىٰ إِلَيْهِ
أَفْئِدَةُ الَّذِينَ لَا
يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ وَلِيَرْضَوْهُ
وَلِيَقْتَرِفُوا مَا هُمْ
مُقْتَرِفُونَ ﴿١١٣﴾

“Dan demikianlah Kami jadikan bagi setiap Nabi itu musuh daripada kalangan syaitan manusia dan jin, sebahagiannya membisikkan kepada sebahagian yang lain dengan kata-kata dusta yang indah susunan katanya untuk memperdayakan pendengarnya. Dan jika Tuhanmu menghendaki, tentulah mereka tidak melakukannya. Oleh itu, biarkanlah mereka dan apa-apa yang mereka ada-adakan (daripada perbuatan yang kufur dan dusta) itu. (112) Dan juga supaya hati orang-orang yang tidak beriman kepada Hari Akhirat cenderung kepada bisikan itu, dan supaya dipersetujui oleh mereka, dan juga supaya mereka (terus) melakukan apa-apa yang mereka lakukan itu. (113)”¹

Pemikiran sebahagian orang Islam telah dibentuk dengan sikap dan pendirian yang lemah dan hina dalam menghadapi serangan media antarabangsa terhadap kebangkitan Islam. Sebagai contoh, penggunaan istilah *al-irhab* yang difokuskan pada sisi ekstrem dan keganasan dengan tujuan memburukkan Islam dan menyebarkan Islamofobia kepada masyarakat dunia.

Fobia ialah tanggapan secara semberono tanpa logik akal yang sihat dan bijak. Apabila ia dilabelkan kepada Islam, maka ia menjadi satu fahaman yang salah dan bertentangan dengan hakikat atau tasawur ajaran Islam yang sebenar, sedangkan pemahaman tersebut jauh sekali terpesong daripada makna yang sebenar dalam Islam menurut kaedah bahasa al-Quran. Perkara ini adalah tidak menepati kedudukan Islam, suatu kebenaran yang jelas laksana terangnya cahaya pada siang hari.

¹ Surah al-An'am: 112-113.

Maka, ia wajib disedari oleh mereka yang tersungkur dan tidak berusaha mempertahankan pendirian Islam. Begitu juga mereka yang berdiam diri dan membisu dalam membela umat Islam dan mereka yang berjihad memelihara maruah serta kesucian Islam.

Justeru, apakah pendirian umat Islam dan di manakah kedudukan kita terhadap firman Allah SWT Yang Maha Suci lagi Maha Tinggi, tentang apa-apa yang diperkatakan? Firman-Nya:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ
الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ
وَالْآخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ
وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ
إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تظَلَمُونَ ﴿٦٠﴾

“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain daripada mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa-apa sahaja yang kamu belanjakan di jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.”²

Para ulama' yang menguasai ilmu al-Quran telah mentafsirkan secara terperinci perkataan *turhibun* (ترهبون), yang

² Surah al-Anfal: 60.

berasal daripada kata terbitan *irhab* (إرهاب), berdasarkan bahasa al-Quran yang menjadi Kalamullah dan bahasa Arab yang kaya.

Oleh itu, bacalah huraian para ulama' sebagaimana yang divedok daripada kitab-kitab tafsir yang menunjukkan kesilapan dalam terjemahan perkataan *irhab* dengan makna keganasan.

PERSPEKTIF BAHASA DALAM KITAB TAFSIR

1. Tafsir al-Tabari:

حَدَّثَنَا أَبِي، عَنْ إِسْرَائِيلَ، عَنْ عُثْمَانَ بْنِ الْمُغِيرَةَ الثَّقَفِيِّ،
عَنْ مُجَاهِدٍ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ:

Ayah saya telah bercerita kepada kami, daripada Isra'il, daripada 'Uthman bin al-Mughirah al-Thaqafi, daripada Mujahid, daripada Ibn 'Abbas:

...تُرْهَبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ ... ﴿٦٠﴾

“...Menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu...”

قَالَ: تُخْزُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ.

Katanya: “Persediaan itu menghinakan dan mengecewakan musuh Allah dan musuh kamu.”

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ إِسْحَاقَ، قَالَ: ثنا أَبُو أَحْمَدَ، قَالَ: ثنا إِسْرَائِيلُ، عَنْ عُثْمَانَ، عَنْ مُجَاهِدٍ. عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ مِثْلَهُ.

Demikian juga Ahmad bin Ishaq memberitahu kami katanya, Abu Ahmad menceritakan kepada kami katanya, Isra'il memberitahu kami, daripada 'Uthman, daripada Mujahid, daripada Ibn 'Abbas.

حَدَّثَنِي الْحَارِثُ، قَالَ: ثنا عَبْدُ الْعَزِيزِ، قَالَ: ثنا إِسْرَائِيلُ،
عَنْ حُصَيْنِ بْنِ عِكْرَمَةَ وَسَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ.

Al-Harith memberitahu saya bahawa dia berkata: 'Abdul 'Aziz memberitahu kami bahawa dia berkata, Isra'il memberitahu kami, daripada Khusaif, daripada 'Ikrimah dan Sa'id bin Jubair, daripada Ibn 'Abbas:

...تُرْهَبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ... ﴿٦٠﴾


"...Menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu..."

قَالَ: تُخْزُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ. وَكَذَا كَانَ يَقْرؤها:
(تُخْزُونَ).

Katanya: *"Menghinakan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu. Dan beliau membacanya dengan: Tukhzuna (تُخْزُونَ)."*

حَدَّثَنِي الْحَارِثُ، قَالَ: ثنا عَبْدُ الْعَزِيزِ، قَالَ: ثنا إِسْرَائِيلُ،
عَنْ عَثْمَانَ بْنِ الْمُغِيرَةَ وَحُصَيْنِ بْنِ عُبَيْدِ بْنِ جُبَيْرٍ، عَنِ ابْنِ
عَبَّاسٍ.

Al-Harith memberitahu saya bahawa dia berkata: ‘Abdul ‘Aziz memberitahu kami bahawa dia berkata: Isra’il memberitahu kami, daripada ‘Uthman bin al-Mughirah, dan Khusaif, daripada Mujahid, Ibn ‘Abbas:

...تُرْهِبُونَ بِهِ... 

“...Menggerunkan dengan persediaan itu...”

تُخْزُونَ بِهِ.

Iaitu: “Menghinakan dengan persediaan itu.”

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ إِسْحَاقَ، قَالَ: ثنا أَبُو أَحْمَدَ، قَالَ: ثنا إِسْرَائِيلُ، عَنْ خُصَيْفٍ، عَنْ عِكْرِمَةَ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ مِثْلَهُ.

Demikian juga Ahmad bin Ishaq memberitahu kami bahawa dia berkata: Abu Ahmad memberitahu kami bahawa dia berkata: Isra’il memberitahu kami, daripada Khusaif, daripada ‘Ikrimah, daripada Ibn ‘Abbas.

يَقَالُ مِنْهُ: أَرْهَبْتُ الْعَدُوَّ وَرَهَبْتُهُ، فَأَنَا أَرْهَبُهُ وَأُرْهَبُهُ إِرْهَابًا وَتَرْهِيبًا، وَهُوَ الرَّهْبُ وَالرُّهْبُ.

Dikatakan juga antaranya: “Aku telah menggerunkan musuh, dan aku telah menggerunkannya. Maka, aku menakutkan dia dan masih menakutkan dia, ketakutan serta kegerunan, dan dia ialah orang yang telah ditakutkan.”

Antaranya kata-kata Tufail al-Ghanawi:

وَيْلٌ أُمَّ حَيٍّ دَفَعْتُمْ فِي نُحُورِهِمْ...بَنِي كِلَابٍ عَدَاةَ الرُّعْبِ
وَالرَّهَبِ.

"Celakalah Ummi Hayyi, kamu telah mendorong perasaan takut dan gerun ke arah mereka (Bani Kilab), sejak dari pagi hari lagi."³

2. Tafsir al-Qurtubi

Firman Allah:

...تُرْهَبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ... ﴿٦٠﴾

"...Menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu..."

يعني تخيفون به عدو الله وعدوكم من اليهودِ وقريشٍ وكفارِ
العربِ.

"Yakni menakutkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu daripada Yahudi, Quraisy, dan orang-orang Arab yang kafir."

Firman Allah SWT:

...وَأَخْرَيْنَ مِنْ دُونِهِمْ... ﴿٦٠﴾

"...Musuh-musuh yang lain daripada mereka..."

³ Al-Tabari, *Tafsir Jami' al-Bayan*, Jld. 14, Hlm. 34-35.

يَعْنِي فَارِسَ وَالرُّومَ، قَالَهُ السُّدِّيُّ.

Yakni Parsi dan Rom sebagaimana yang dikatakan oleh al-Suddi.⁴

3. Tafsir al-Razi

Menurut al-Razi:

أَنَّ الْمُسْلِمَ كَمَا يُعَادِيهِ الْكَافِرُ، فَكَذَلِكَ قَدْ يُعَادِيهِ
الْمُسْلِمُ أَيْضًا، فَإِذَا كَانَ قَوِيًّا/ الْحَالِ كَثِيرِ السِّلَاحِ، فَكَمَا
يَخَافُهُ أَعْدَاؤُهُ مِنَ الْكُفَّارِ، فَكَذَلِكَ يَخَافُهُ كُلُّ مَنْ يُعَادِيهِ
مُسْلِمًا كَانَ أَوْ كَافِرًا.

“Sesungguhnya, seorang Muslim, sebagaimana orang kafir memusuhinya, begitulah dia akan dimusuhi oleh orang Muslim yang lain. Maka, ketika seorang Muslim itu mempunyai kekuatan dan senjata yang banyak, musuh-musuhnya daripada orang-orang kafir akan berasa gerun kepadanya.

Begitu jugalah keadaan setiap orang yang memusuhinya akan merasai ketakutan kepadanya, sama ada Islam ataupun kafir sehingga Allah SWT berfirman sedemikian.

وَاعْلَمَ أَنَّهُ لَمَّا بَيَّنَّ مَا يُرْهَبُ بِهِ الْعَدُوُّ مِنَ الْقُوَّةِ
وَالِاسْتِظْهَارِ، بَيَّنَّ بَعْدَهُ أَنَّهُمْ عِنْدَ الْإِرْهَابِ إِذَا جَنَحُوا أَيَّ
مَالُوا إِلَى الصُّلْحِ، فَالْحُكْمُ قَبُولُ الصُّلْحِ.

⁴ Al-Qurtubi, *Tafsir Jami' al-Ahkam*, Jld. 8, Hlm. 38.

Ketahuilah bahawa tatkala Allah SWT menjelaskan perkara yang menggerunkan musuh seperti kekuatan dan persediaan, Allah juga menjelaskan selepas itu tentang keadaan mereka saat berada dalam ketakutan, iaitu mereka akan cenderung untuk berdamai. Apabila mereka cenderung untuk berdamai, maka keputusannya ialah menerima perdamaian tersebut.”⁵

4. Tafsir Ibn Kathir:

Firman Allah SWT:

...تُرْهِبُونَ... ﴿٦٠﴾

“...Menggerunkan...”

أَيُّ مُخَوِّفُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ أَيُّ مِنَ الْكُفَّارِ.

Iaitu: “Menakut-nakutkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu, iaitu daripada kalangan orang-orang kafir.”⁶

5. Tafsir al-Shawkani:

Daripada Ibn ‘Abbas, katanya:

...تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ... ﴿٦٠﴾

⁵ Al-Razi, *Tafsir Mafatih al-Ghaib*, Jld. 15, Hlm. 500.

⁶ Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, Jld. 4, Hlm. 73.

“...Menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu...”

قَالَ: تُخْزُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ.

Katanya: “Menghinakan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu.”⁷

PERSPEKTIF BAHASA DALAM KAMUS BAHASA ARAB

Adapun kamus-kamus bahasa Arab menjelaskan perkataan *al-irhab* dengan beberapa pengertian sebagaimana berikut:

NAMA KAMUS	PERKATAAN BAHASA ARAB	MAKSUD
Kamus al-Muhit	وأرهبه واسترهبه	Menakutkannya dan menjadikannya berasa takut.
Kamus al-Wasit	أرهب	Lengan bajunya panjang, dia menunggang dalam keadaan menggerunkan, dia memanjangkan lengan bajunya, dia menakutkan dan mencemaskan seseorang itu.

⁷ Al-Shawkani, *Tafsir Fath al-Qadir*, Jld. 1, Hlm. 318.

Kamus Taj al-'Urus	وَأَرْهَبُهُ وَاسْتَرْهَبُهُ	Menakutkannya, menjadikannya berasa takut.
	اسْتَرْهَبُهُ	Dia menjemput perasaan gerun sehingga manusia berasa gerun kepadanya. Sebagaimana firman Allah SWT, ' <i>Menjadikan orang-orang itu merasa gerun, serta mereka melakukan sihir yang besar (keadaan dan caranya),</i> ' ditafsirkan sebagai orang-orang itu merasa gerun terhadap mereka dan orang lain merasa gerun terhadapnya ketika dia mengancam.
Kamus Mukhtar al-Sihah	وَأَرْهَبُهُ وَاسْتَرْهَبُهُ	Menakutkannya dan menjadikannya berasa takut.

Terdapat banyak perkataan *al-ruhbah* (الرهيبة) yang digunakan dalam al-Quran dan pecahan daripada perkataan tersebut ialah *al-irhab*. Ia digunakan dalam perkara kebajikan dan ketaqwaan, bukannya dalam perkara dosa dan permusuhan. Contohnya, firman Allah SWT:

...أَوْفِ بِعَهْدِكُمْ وَإِلَيَّ فَارْهَبُونِ ﴿٤٠﴾

"...Supaya Aku sempurnakan perjanjian-Ku dengan kamu; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun takut, (bukan kepada sesuatu yang lain)."⁸

وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا وَكَانُوا لَنَا
خَاشِعِينَ ﴿٩٠﴾

⁸ Surah al-Baqarah: 40.

"...Dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan penuh harapan serta gerun takut; dan mereka pula sentiasa khusyuk (dan taat) kepada Kami."⁹

Terdapat juga perkataan *al-rahab* (الرهب) yang digunakan untuk maksud yang keji sebagaimana firman Allah SWT dalam kisah penyihir-penyihir Firaun:

قَالَ الْقَوَّاطِطُ فَلَمَّا الْقَوَّاطِطُ سَحَرُوا أَعْيُنَ النَّاسِ
وَأَسْرَهُبُوهُمْ وَجَاءُوا بِسِحْرِ عَظِيمٍ ﴿١١٦﴾

*"Nabi Musa menjawab, 'Campakkanlah (dahulu)!'
Maka, apabila mereka mencampakkan (tongkat-
tongkat dan tali masing-masing), mereka
menyilap mata orang ramai dan menjadikan
orang-orang itu merasa gerun, serta mereka
melakukan sihir yang besar (keadaan dan
caranya)."¹⁰*

Apa-apa yang dilakukan oleh media Barat menunjukkan Islam dengan maksud yang negatif, bertujuan menakut-nakutkan manusia dan menyebarkan keganasan antara mereka secara tidak benar.

Lalu mereka menghukum Islam dengan meletakkan *al-irhab* pada definisi yang bercanggah dengan ajaran dan adab Islam. Inilah tujuan media Barat yang sentiasa memusuhi kita. Disebabkan itu, kita tidak patut tunduk dan berserah diri mengikut kehendak mereka kerana sesungguhnya, Islam itu agama yang tinggi dan mulia, tidak ada yang lebih tinggi daripadanya.

⁹ Surah al-Anbiya': 90.

¹⁰ Surah al-A'raf: 116.


Begitu juga dengan rancangan-rancangan yang telah dilakukan oleh kerajaan kita. Mereka bergantung kepada kuasa asing yang bertempat di dalam negara kita dengan memberikan kesetiaan dan kepercayaan. Mereka juga menyediakan belanjawan untuk membeli senjata yang telah ditetapkan oleh negara-negara besar itu.

Semua yang dilaksanakan memberikan keuntungan seperti keamanan bagi negara Israel yang menjadi sekutu mereka, termasuklah keselamatan telaga-telaga minyak dan gas, pengangkutan dan jalan mereka.

Mereka juga berwaspada supaya tidak wujud negara yang lebih kuat daripada Israel. Mereka melakukan perkara tersebut dengan mencetuskan perang proksi melalui persengketaan dalaman dan pemetaan baharu yang dilakar dengan darah dan kemusnahan.

Kedadaan inilah yang sepatutnya ditunjukkan kepada mereka berdasarkan definisi mereka yang melampau itu. Hal ini demikian kerana, definisi dan terjemahan Arab mereka tidak *jami'* dan *mani'* dan juga tidak betul dari segi bahasa dan istilah.

LAMPIRAN





BEFORE